



## SIARAN AKHBAR

### AMARAN MENGENAI ENTITI YANG TIDAK DILESENKAN

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mendapati bahawa LiteFinance Brunei ada mengadakan satu seminar bertajuk “Seminar Dagangan Forex Eksklusif Brunei 2019”. AMBD ingin memaklumkan orang ramai bahawa LiteFinance Brunei dan entiti yang berkaitan dengannya adalah tidak dilesenkan untuk menawarkan perkhidmatan kewangan di Negara Brunei Darussalam.
2. AMBD ingin mengingatkan orang ramai untuk berhati-hati apabila menyertai mana-mana skim atau transaksi kewangan. Orang ramai juga dinasihatkan untuk terlebih dahulu mengesahkan kesahihan individu atau entiti yang ditawarkan dan meneliti risiko yang kemungkinan akan timbul daripada melabur di dalam skim tersebut. Jika entiti tersebut berada di luar negara, orang ramai dinasihatkan untuk memastikan dengan pihak berkuasa di luar negara sama ada ia dilesenkan atau tidak.
3. AMBD ingin sekali lagi mengingatkan bahawa pengguna kewangan yang melibatkan diri dalam perkhidmatan kewangan daripada individu atau entiti yang tidak dilesenkan oleh AMBD tidak akan dilindungi di bawah rangkakerja penyeliaan yang ditadbir oleh AMBD. Rangkakerja penyeliaan AMBD adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan pelabur-pelabur dengan memastikan hanya institusi-institusi/individu-individu yang berkelayakan dan berlesen boleh memberikan perkhidmatan kewangan kepada orang ramai.
4. Senarai nama individu-individu dan institusi-institusi yang dilesenkan oleh AMBD boleh didapati melalui AMBD App dan AMBD *Alert List*, juga boleh dimuat turun secara percuma melalui ‘App Store’ bagi pengguna iPhone dan ‘Google Playstore’ bagi pengguna Android; atau dengan melayari laman web AMBD di <http://www.ambd.gov.bn>.
5. AMBD akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam, dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam. AMBD juga terus memantau aktiviti-aktiviti kewangan yang menimbulkan kecurigaan dan yang tidak berlesen. Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi AMBD melalui talian 2388388 atau emel [info@ambd.gov.bn](mailto:info@ambd.gov.bn).

#### **Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

**Tarikh:** 5 Safar 1441H / 4 Oktober 2019M

**Rujukan:** AMBD/COMMS/3